

SELAGI SUKARNO MEMERINTAH NEGARA INDONESIA AKAN HANCUR?

Dr. Mohammad Hatta yang tiga belas bulan yang lalu telah meletakkan jawatannya daripada menjadi wakil Presiden kerajaan Republik Indonesia, dalam perkara Irian Barat yang dijalankan langkah-langkahnya oleh Sukarno sekarang dengan tegas menyatakan bahawa perbuatan-perbuatan merampas harta benda Belanda itu didahulukan semuanya oleh parti-parti Buruh. Sesudah Buruh bertindak dengan sesukanya maka baharulah kerajaan menjalankan atau meneruskan langkah-langkah itu. Langkah-langkah yang dijalankan sekarang, menurut Hatta, adalah langkah-langkah yang bukannya sahaja merosakkan ekonomi tetapi meletakkan rakyat jelata kepada kelaparan. Tindakan yang diambil itu adalah tindakan yang tidak bertanggungjawab.

Oleh: Wakil Khas Kita

Hatta membuat beberapa pertanyaan, jika sekiranya kapal-kapal Belanda itu ditahan dan tidak berjalan apakah ada ertinya kepada perkembangan ekonomi Indonesia? Sekiranya dianjurkan mengambil Irian Barat dari tangan Belanda dengan kekuatan adakah “pejuang-pejuang Indonesia yang dianjurkan berjuang itu untuk sampai ke Irian Barat hanya dengan berenang sahaja?” adakah “hanya mempunyai kapal perang Gajah Mada yang seperti kapal kosong itu yang diberikan Belanda kepada Indonesia dahulu akan dapat berlawanan atau bertahan daripada serangan angkatan laut Belanda yang cukup pengalamannya itu?”

Inilah soal-soal yang siuman yang diberi dengan beraninya oleh Dr. Mohammad Hatta kerana membidas langkah-langkah yang gopoh untuk merebut Irian Barat. Irian Barat mesti diambil tetapi jalannya tidak dengan merosakkan diri sendiri, yang menimbulkan kelaparan rakyat jelata sehingga telah ada yang memakan tikus ladang pada hal pemimpin-pemimpin rakyat masih cantik-cantik pakaiannya, masih sedap makannya terutamanya yang di luar negeri masih banyak yang pergi dansa-dansi dan seumpamanya.

Sedang Sukarno, pada 6 haribulan Januari 1958 sesudah mengkobarkan semangat rakyat, mengkobarkan “semangat Irian Barat” kepada pengikut-pengikutnya pergi meninggalkan Indonesia, pergi meninggalkan rakyat Indonesia yang menghadapi kelaparan ke India, dikatakan kerana “kesihatannya” terganggu sesudah pelepasan bom tangan di Cikini yang hampir-hampir mengenainya itu.

Pemergiannya dalam masa kekusutan berlaku itu adalah menimbulkan berbagai-bagai pertanyaan. Pertanyaan yang pertama timbul ialah: Adakah Sukarno sendiri menghendaki supaya ia keluar selama 45 hari ataupun lebih untuk memberi peluang kepada Dr. Mohammad Hatta memasuki pula pemerintahan negeri. Sangkaan-sangkaan ini timbul ialah kerana Sukarno sendiri baharu-baharu ini pernah mengatakan bahawa fikiran Hatta tidak dapat ditukar-tukar.

Sukarno harus telah mengetahui bahawa rupanya sebahagian besar rakyat Indonesia sekarang, khususnya orang-orang lain daripada orang Jawa, tidak seperti yang disangkanya – boleh dibuat semau-maunya sahaja sehingga terang bahawa ia sekarang menghadapi ugutan-ugutan yang akan mengambil

nyawanya sendiri seperti di Cikini. Ia harus sekarang telah melihat akan kesalahan-kesalahan langkahnya merapati Komunis itu bukannya lebih menghampirkan dirinya kepada rakyat tetapi semakin menjauhkannya, kerana segala usaha atau perbuatan yang dijalankan olehnya memperkenankan Komunis tidak sedikit pun membawa kepada corak yang menambah kesenangan, kemakmuran dan kemewahan rakyat bahkan penderitaan sehingga sudah ada rakyat yang dikatakan berpendapat lebih senang hidup di masa penjajah daripada hidup di bawah kerajaan yang ditadbir oleh pemimpin-pemimpin yang lebih mengutamakan maslahat dan keuddukan dirinya sendiri seperti yang dicontohkan oleh Presiden sendiri sehingga sampai sekarang ia tidak mau meletakkan jawatannya sebagai Presiden bahkan telah ada riak berita yang mengatakan bahawa ia ingin menjadikan jawatannya “dipusakai” oleh anaknya.

Jadi kerana peluang-peluang inilah harus Sukarno memikirkan biarlah orang lain mentadbir kerana ia tidak mempunyai kemampuan lagi untuk menyelenggarakan negara yang telah kucar-kacir disebabkan oleh gelojohnya.

Pendapat yang kedua bahawa kerana keadaan darurat sekarang maka untuk menyelenggarakannya dengan betul tentera mengambil kekuasaan dan meminta Sukarno keluar dari Indonesia. Alasan-alasan yang diberi sebagaimana alasan-alasan biasa politik ialah dengan kehendak doktor supaya ia mendapat cukup rehat – tidak di dalam negeri, tetapi di luar negeri. Orang-orang bertanya: Apakah kurang tempat rehat di dalam negeri sendiri? Orang-orang juga menyangka bahawa dengan perginya Sukarno dari Indonesia baharulah Dr. Mohammad Hatta mau memegang tampuk pemerintahan mentadbir Indonesia. Sebab Dr. Hatta harus tidak akan mau menjalankan tugasnya selagi ada Sukarno kerana tiap-tiap binaan yang telah dibina oleh Hatta pada masa-masa yang lampau yang meruntuhkannya tidak lain daripada Sukarno sendiri

kerana Sukarno berlaku sebagai diktator Indonesia.

Ia mempertahankan orang-orangnya melakukan kesalahan buktinya: ketika Roeslan Abdulgani dibicarakan oleh hakim atas kesalahan makan suap maka hakim yang sedang menjalankan perbicaraan dikatakan dipanggil ke istana oleh Presiden. Apa ertinya? – sendiri dapat kita memikirkannya. Kemudian orang yang telah dipandang salah oleh undang-undang negara (Pidana) itu pula dilantik menjadi Setiausaha Dewan Nasional.

Melihat pemergian itu maka sudah pada tempatnya orang-orang bertanya: Apa ertinya seorang Presiden boleh meninggalkan negara yang sedang hebat keadaannya itu? Apakah ini tidak satu “pembuangan” secara halus untuk menyelamatkan Indonesia yang telah hancur dibuatnya? Pertanyaan ini memang pada tempatnya kerana boleh dikata hampir-hampir tidak pernah seorang ketua negara meninggalkan negerinya dalam masa keadaan-keadaan yang sedemikian rupa kerana tidak diketahui adakah harus akan terjadi sesuatu kemungkinan yang lebih besar sama ada dengan pemerintah Belanda ataupun hal-hal di daerah-daerah yang sudah sememangnya retak itu bertambah retak.

Ada kemungkinan yang penuh, jika sekiranya Komunis berkuasa di Tanah Jawa maka harus daerah yang menjadi punca penghasilan Indonesia itu akan menegakkan pemerintahan sendiri – ini sudah terang dapat dilihat!

Ada pula orang yang berpendapat, setelah Sukarno keluar daripada Indonesia maka Hatta bersama-sama Natsir dan Sultan Hamengku Buwono dan Sjahrir, iaitu orang-orang yang tidak digemari Sukarno, akan memegang tampuk pemerintahan negara. Berita-berita juga tersiar bahawa Hatta tidak mau memegang pemerintahan negara dikecualikan ia diberi kuasa penuh selama tahun

Sambungan ke muka 27

Apabila ada orang meminta pertolongan kepada beliau sedang pada masa itu beliau tidak ada apa pun yang hendak ditolongkan maka selalu disuruhnya orang itu berhutang di atas nama beliau.

Beliau hanya marah kalau orang melanggar larangan Tuhan – selain daripada sebab-sebab itu beliau tidak marah. Beliau juga suka bersenda gurau tetapi gurau senda beliau tidak sekali-kali melewati batas kesopanan. Beliau tidak pernah berdusta. Beliau penyayang kepada kanak-kanak dan suka sekali duduk dengan orang miskin. Beliau menampal sendiri pakaian dan kasutnya yang koyak dan memerah susu kambingnya dengan tangannya sendiri.

Beliau tidak pernah menyusahkan ahli rumahnya tentang makan dan minum. Apabila ada makan tersedia dimakannya apabila tidak ada beliau diam serta beliau makan bersama-sama pelayan beliau. Beliau tidak pernah marah atau mengherdik kepada sesiapa pun, sehingga kepada khadamnya pun beliau berbuat demikian juga.

Saudara-saudara anggota Ikhwan! Inilah dia ajaran akhlak yang ditunjukkan oleh Junjungan kita Muḥammad (SAW) dan inilah yang patut kita ikut – bukannya akhlak yang berbau Komunis atau akhlak orang-orang yang tidak tahu kadar diri. Berakhlak baik itu bukan maknanya kita lemah tetapi bermakna tahu kepada kehormatan diri. Orang yang begini apabila menghadapi sesuatu yang bertentangan dengan hukum Tuhan maka ia sudah tetap akan menegakkan hukum itu walaupun dengan nyawanya sekali.

Sambungan dari muka 20

Apakah yang akan berlaku sekiranya orang-orang ini memegang tampuk pemerintahan negara. Jawapan yang pertama akan berlaku pertentangan dan perkelahian yang hebat di antara tentera dengan Komunis di Tanah Jawa – dan harus merebak ke Sumatera Timur. Hatta adalah diyakinkan tetap akan tegas perdiriannya menghadapi Komunis itu.

Hal ini terang kerana dalam kejadian percubaan membunuh Sukarno di Cikini akhbar-akhbar kiri (Komunis) sentiasa membuat fitnah bahawa yang mencuba bunuh Sukarno itu ialah orang-orang Masyumi. Kerajaan yang ada sekarang terus mendiamkan sahaja fitnahan itu disiarkan seluas-luasnya dengan tidak ada bukti. Semuanya menjadi satu kenyataan bahawa Sukarno dan pengikut-pengikutnya – orang Komunis itu – sentiasa mencari jalan membinasakan orang-orang Islam terutamanya Masyumi. Dengan kerana itu diyakinkan benar bahawa selagi Sukarno memerintah janganlah orang-orang Islam Indonesia akan bermimpi bahawa negara Islam akan tegak di Indonesia! – ini tidak mungkin!

Sambungan dari muka 3

Alhamdulillah, dengan tidak banyak berkata, penerbitan Qalam berusaha dari satu ke satu masa untuk mengadakan buku-buku ilmiah dan bolehlah diakui Qalam-lah yang banyak menerbitkan buku-buku seperti itu terutamanya yang mengenai keagamaan.

Dalam masa ia menempuh tahun-tahunnya yang ke hadapan mudah-mudahan Allah akan memberi taufik dan hidayah-Nya kerana mulai dari tahun ini Qalam akan menumpukan semula perhatiannya untuk menerbitkan buku-buku yang berupa pengetahuan, sama ada mengenai pelajaran di sekolah-sekolah umum, agama ataupun di dalam bahagian-bahagian lain. ***